

UMS - IAAF Kids' Athletic bantu pembangunan olahraga sekolah rendah di Sabah

UB 0.3 2014 A15

KOTA KINABALU: Seramai 61 mahasiswa daripada jurusan Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlibat dalam Program UMS - Persekutuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) Kids' Athletics di Sekolah Kebangsaan Likas baru-baru ini.

Program yang turut diadakan dengan kerjasama Kesatuan Olahraga Malaysia bertujuan untuk membantu pihak sekolah rendah mengenal pasti dan melatih lebih ramai atlet pelapis dalam acara olahraga.

Menurut pengerusi program Dr Mohamad Nizam Nazarudin berkata, aktiviti ini dijalankan berteraskan elemen keseronokan dengan pengisian pelbagai acara sukan berdasarkan kemahiran dalam acara padang dan balapan.

"Semua pergerakan asas seperti larian, lompatan, dan lontaran dilakukan secara



SPRINT Hurdles Shuttle Relay.

santai dengan berasaskan tekanan fizikal yang ringan bagi memastikan ia mudah untuk dilakukan oleh kanak-kanak sekolah rendah yang terlibat," katanya.

Beliau yang merupakan

pensyarah Sains Sukan SPPS memberitahu, program itu mendapat sambutan yang mengalakkan dan akan diadakan secara berterusan di beberapa sekolah lain dalam usaha melahirkan lebih banyak atlet



MAHASISWA UMS merakamkan gambar kenangan bersama pelajar SK Likas. Manakala gambar kecil (kanan) ialah Dr Mohammad Nizam.

dalam olahraga.

"Antaracara sukan yang dijalankan ialah Sprint/Hurdles Shuttle Relay, Forward Squat Jumps, Speed Ladder, Long Jump with a Pole, Cross Hop & knee Throw dan Overhead Backward Throw," tambahnya lagi.

Program yang disertai 40

pelajar lingkungan umur 7-12 tahun itu telah diselenggarakan oleh beberapa pakar dalam bidang olahraga.

Antaranya, Naib Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia K. Yogasveran, Pensyarah IAAF Academy Diploma Coach S. Anbarassuu, Jurulatih Olahraga Majlis

Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang Simon Lau Chin Meng, Jurulatih Olahraga Kebangsaan Raymie A. Bakar dan mantan penyelaras Program Pembangunan Olahraga Remaja MSN yang juga pesyarah Sains Sukan UMS Pathmanathan K. Supiah.